

Dilema antara ibu dan isteri



Soal Jawab Agama

Bersama DR. MOHAMMAD NIDZAM ABDUL KADIR AL-JARUMI

Pensyarah di Fakulti Ekologi Manusia, Universiti Putra Malaysia dan pendakwah bebas. Kemusykilan boleh diajukan ke nidium@yahoo.com

DALAM pemberian nafkah manakah yang perlu diutamakan antara isteri dan ibu?

JAWAPAN: Setiap orang mempunyai tanggungjawab berbeza dan pelbagai. Sebagai suami yang juga anak, menjadi tanggungjawab untuk

memberi nafkah kepada isteri serta berbuat baik terhadap ibu bapa.

Antara contoh berbuat baik ialah memberi bantuan kewangan jika ibu bapa dalam keadaan memerlukan. Oleh itu, tanggungjawab sebagai suami dan anak hendaklah dilakukan dengan sebaiknya.

Terpegang bekas tapak kaki babi

KETIKA menyertai aktiviti perkhemahan di hutan, saya ternampak tapak kaki babi dan memegang tapak kaki itu. Adakah wajib disamak tangan saya?

JAWAPAN: Kemungkinan ada dua pendapat dalam isu ini. Pada pendapat saya, tidak perlu kepada basuhan secara samak atau serta iaitu dengan air tanah. Bahkan memadai dengan basuhan air biasa sahaja.

Islam pentingkan kesopanan

BARU-BARU ini diadakan majlis parti yang memperkenalkan barang seperti alat sulit lelaki? Bagaimanakah Islam memandang perkara ini?

JAWAPAN: Islam memelihara maruah dan kesopanan. Begitu juga

termaktub dalam Rukun Negara yang lima antaranya ialah kesopanan dan kesililan.

Pada hemat saya, tema parti yang melanggar nilai agama, masyarakat timur atau prinsip Rukun Negara adalah tidak seharusnya dianjurkan.

Puasa Nabi Daud atau penuh?

ADA insan yang berpuasa dengan kaedah puasa Nabi Daud iaitu berpuasa selang sehari dalam bulan Rejab dan Syaaban. Mana lebih afdal antara berpuasa cara puasa Nabi Daud atau berpuasa penuh bulan Syaaban?

JAWAPAN: Puasa cara Nabi Daud adalah puasa yang baik dan elok diamalkan. Banyak berpuasa pada bulan Rejab dan Syaaban juga sesuatu yang harus

dan baik diamalkan.

Maka, terserah kepada individu Muslim untuk memilih mana satu kaedah yang sesuai. Ini kerana puasa itu termasuk dalam puasa sunat yang bukan wajib atau fardu.

Oleh itu, sesiapa yang ingin berpuasa secara puasa Nabi Daud maka hukumnya harus. Sesiapa yang ingin berpuasa penuh pada bulan Rejab dan Syaaban juga hukumnya adalah harus.

Dikecualikan solat Jumaat

KAKI saya hancur akibat kemalangan dan dimasukkan besi. Adakah wajib solat Jumaat?

JAWAPAN: Antara uzur daripada hadir solat Jumaat adalah hujan lebat, terlalu mengantuk dan musafir. Sakit juga dikira sebagai keuzuran. Maka, jika ia

memudaratkan untuk hadir, maka golongan pesakit ini termasuk dalam uzur. Agama tidaklah menyusahkan seseorang itu.

